

Ruj. MQA : MQAD.100-1/3/2 (6)

Tarikh : 10 November 2025

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 3/2025

Pengecualian Kursus Prasyarat bagi Kemasukan ke Program Pascasiswazah di Bawah Standard Program: Pengajian Perniagaan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pihak Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil. 1/2021 dengan nombor rujukan MQA.100-1/7/1 Jld.3(17) bertarikh 27 Ogos 2021 berkaitan penggunaan edisi terkini Standard Program: Pengajian Perniagaan.

3. Untuk makluman, Standard Program: Pengajian Perniagaan telah menetapkan keperluan lulus kursus prasyarat bagi calon pelajar pascasiswazah yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang dan pengalaman kerja berkaitan. Ketetapan ini turut dijelaskan melalui *Advisory Note No. 6/2021* sebagai panduan terhadap pelaksanaan kursus prasyarat bagi calon pelajar bukan dalam bidang sebelum diterima masuk ke program pascasiswazah.

4. Walau bagaimanapun, pihak MQA telah menerima cadangan penambahbaikan daripada pihak berkepentingan berkaitan keperluan kursus prasyarat dalam kelayakan masuk bagi program pascasiswazah. Justeru, pihak MQA memutuskan bahawa **pengecualian kursus prasyarat boleh diberikan** kepada calon pelajar yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang dan pengalaman kerja berkaitan tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- 4.1 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.00 di peringkat Ijazah Sarjana Muda / Sarjana; dan
- 4.2 PPT perlu menjalankan **penilaian dalaman yang teliti** (*rigorous internal assessment*). Sekiranya tidak melepasi penilaian tersebut, calon pelajar boleh dipertimbangkan untuk mengikuti dan lulus kursus prasyarat seperti yang telah ditetapkan dalam standard program: Pengajian Perniagaan.

5. Pengecualian ini hanya bagi **program pascasiswazah yang bersifat umum dan secara kerja kursus** iaitu kategori 'General Master's Programme' (Without Specialisation) dan 'Doctoral Degree by Coursework' yang ditawarkan dalam bidang Pengajian Perniagaan.

6. Diharapkan dengan fleksibiliti yang diberikan dapat membuka lebih banyak peluang kepada calon pelajar daripada pelbagai bidang untuk melanjutkan pengajian ke program pascasiswazah dalam Pengajian Perniagaan.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina-UNITI
No. 97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 W.P. KUALA LUMPUR
12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Teknologi 5,
Technology Park Malaysia, Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
Wisma CNS
No. 2, 6 Jalan SS19/1G
47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st – 3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College od
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
16. Presiden
Society for Malaysian Higher Education
Institutions Quality Assurance Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, Jalan Menara Gading
UCSI Heights (Taman Connaught)
56000 Cheras
W.P. KUALA LUMPUR